

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

27. Apakah status pengambilan tanah di sepanjang Jalan Batu Kawan dan Bukit Tambun (bersebelahan *Penang Science Park*):
- (a) Jumlah keluasan tanah dan bayaran pampasan
 - (b) Perancangan yang dicadangkan
 - (c) Mengapakah lot tanah bersebelahan SJKC Keng Koon dikeluarkan daripada pengambilan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

27. Keseluruhan pengambilan tanah di sepanjang Jalan Batu Kawan dan Bukit Tambun (bersebelahan *Penang Science Park*) melibatkan 107 lot. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 102 lot telah selesai dan baki 5 lot tanah lagi sedang menunggu bayaran bagi membolehkan pengambilan tersebut diselesaikan.
- (a) Keluasan yang terlibat dengan pengambilan adalah 622.62 ekar dengan jumlah pampasan yang telah dijelaskan oleh *Penang Development Corporation* (PDC) berjumlah RM861.24 juta;
 - (b) Pengambilan ini adalah bertujuan untuk pembangunan bercampur dan perindustrian; dan

- (c) Lot tanah bersebelahan SJK(C) Keng Koon (Lot 8175) telah dibuat pengambilan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2010 untuk kegunaan SK Bukit Tambun, SJK(C) Keng Koon dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Tambun. Berikutan itu, PDC telah mengeluarkan lot tersebut dari cadangan pengambilan kerana ia adalah tanah kerajaan.